

ANTIPAIN LINIMENT

Methyl Salicylate (25%w/v)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Antipain Liniment
2. Bagaimana Antipain Liniment berfungsi
3. Sebelum menggunakan Antipain Liniment
4. Cara menggunakan Antipain Liniment
5. Semasa menggunakan Antipain Liniment
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Antipain Liniment
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran produk
10. Tarikh kemas kini RiMUP

Apakah kegunaan Antipain Liniment

Antipain Liniment digunakan untuk melegakan sakit otot dan sakit sendi.

Bagaimana Antipain Liniment berfungsi

Antipain Liniment mengandungi methyl salicylate.

Methyl Salicylate digunakan pada kulit untuk mengurangkan kerengsaan. Ia berfungsi dengan menyebabkan kulit berasa sejuk dan kemudian hangat yang mengurangkan kesakitan.

Sebelum menggunakan Antipain Liniment

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan Antipain Ointment jika:

- anda mempunyai alahan terhadap methyl salicylate atau mana-mana bahan lain yang terkandung dalam ubat ini (disenaraikan dalam maklumat lanjut).

- Sebelum mula menggunakan Antipain Liniment

Mengandung dan menyusukan anak
Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi

jika anda mengandung, merancang untuk mengandung atau sedang menyusukan anak sebelum menggunakan sebarang ubat.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor anda jika anda mengambil apa-apa ubat lain, termasuk mana-mana yang anda beli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan.

Produk ini mengandungi methyl salicylate dan apabila digunakan atau disapu pada kulit, ianya boleh menyerap melalui kulit ke dalam darah. Jika anda mengambil warfarin, penggunaan berlebihan pada kulit boleh meningkatkan kemungkinan pendarahan.

Cara menggunakan Antipain Liniment

- Berapa banyak harus digunakan

Untuk kegunaan luaran sahaja dan tidak boleh diambil melalui mulut.

Sapukan sedikit pada bahagian yang sakit danurut perlahan-lahan.

- Bila perlu digunakan

Sapukan tiga hingga empat kali sehari atau seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Sapukan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda. Ubat ini biasanya digunakan dalam tempoh masa yang singkat.

- Jika anda terlupa menggunakan

Sapukan dos yang tertinggal sebaik sahaja anda ingat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan penggunaan ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan sapukan dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

- Jika menggunakannya secara berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda fikir anda atau orang lain mungkin telah menggunakan terlalu banyak ubat ini. Lakukan ini walaupun tiada tanda-tanda ketidakselesaan atau keracunan. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan segera. Jika bayi tertelan ubat ini ia boleh menyebabkan kematian.

Semasa menggunakan Antipain Liniment

- Perkara yang perlu dilakukan

- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.
- Guna ubat anda mengikut arahan doktor.
- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Antipain Liniment.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan mula mengambil sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan memberi Antipain Liniment kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Elakkan ubat daripada terkena mata,, membran mukus, permukaan kulit yang bengkak atau luka.

ANTIPAIN LINIMENT

Methyl Salicylate (25%w/v)

Memandu dan menggunakan jentera

Berhati-hati memandu atau mengendalikan mesin sehingga anda tahu kesan Antipain Liniment terhadap anda.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Antipain Liniment boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Ubat ini boleh menyebabkan gegata dan bengkak muka dan mulut.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [*Consumers* → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

Cara penyimpanan dan pelupusan Antipain Liniment

- Penyimpanan

Jauhkan semua ubat daripada kanak-kanak.

Simpan di bawah suhu 30°C di tempat kering yang terlindung daripada cahaya.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Cecair berwarna kuning jernih dengan bau yang menyenangkan.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Methyl salicylate

- Bahan tidak aktif

Methyl paraben, menthol, eucalyptus oil, alcohol denatured, palm oil.

- Nombor MAL:

MAL19950125XC

Pengilang

Terapeutics Sdn. Bhd. (590500-W)
Lot 10 & 11, PERDA Industrial Park,
Lorong IKS Simpang Ampat B,
14100 Simpang Ampat, S.P.S.,
Pulau Pinang, Malaysia

Pemegang Pendaftaran Produk

Zontron Pharmaceuticals Sdn. Bhd.
(445695-T)
Lot 10 & 11, PERDA Industrial Park,
Lorong IKS Simpang Ampat B, 14100
Simpang Ampat, S.P.S., Pulau Pinang,
Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP

14/01/2022

Nombor Siri

NPRA(R4/1)140123/00009